

■ Anggota unit penyelamat jalani latihan mangsa lemas

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my
Kuantan

Jabatan Perhutaaian Negeri Pahang (JPNP) akan meningkatkan lagi kemahiran anggota unit penyelamat di air yang bertanggungjawab memberikan pertolongan kepada mangsa lemas di kawasan hutan lipur.

Pengarahnya Datuk Mohd Paiz Kamaruzaman berkata, kursus dan latihan diberikan secara berterusan bagi memastikan mereka memiliki kemahiran tinggi seterusnya mampu menjalankan tugas dengan baik dan berkesan.

Katanya, kini ada 30 kakitangan pelbagai jawatan menganggotai unit penyelamat membabitkan kakitangan di Pejabat Hutan Daerah (PHD) Bentong dan Rompin.

Katanya, JPNP menyey-



Tingkat kemahiran

KAKITANGAN Pejabat Hutan Daerah Bentong mengadakan latihan menyelamat mangsa lemas di Hutan Lipur Chamang.

FAKTA
30 kakitangan pelbagai jabatan ikut kursus, latihan

diakan pelbagai peralatan menyelamat seperti pelampung, tali, jaket keselamatan, helmet khas dan pembesar suara yang digunakan untuk memberikan amaran kepada pengunjung.

“Bagi unit penyelamat di PHD Rompin mereka memantau Taman Negeri Endau-Rompin yang terkenal dengan Air Terjun Mahkota dan sungai di situ yang sentiasa dikunjungi pelancong,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Menurutnya, walaupun JPNP mewartakan lebih 25

hutan lipur namun bukan semua hutan lipur di negeri ini mempunyai tarikan berkecenderungan, ada juga hutan lipur mempunyai aliran sungai tetapi dikategorikan tidak berbahaya.

“Bagi hutan lipur yang diswastakan seperti hutan lipur Pandan, di sini, dan hutan lipur Latar Lembek,

Raub, pemaju diwajibkan menyediakan pasukan penyelamat mereka sendiri.

“Tugas unit penyelamat turut membabitkan aktiviti memantau paras air selain memberikan amaran kepada pengunjung supaya meninggalkan kawasan mandi bagi mengelak dibawa arus kepala air,” katanya.